

PENCAPAIAN LISAN MURID TAHUN SATU
MELALUI PROGRAM TRANSISI

HAIMIN DUSILIN

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL

2006



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

Tajuk : Pencapaian Lisan Murid Tahun Satu Melalui Program Transisi

Ijazah : Sarjana Pengurusan Pendidikan

Sesi Pengajian : 2004 - 2006

Saya, Haimin Bin Dusilin mengaku membenarkan disertasi ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Disertasi adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan disertasi ini sebagai bahan Pertukaran antara institusi pengajian tinggi.

4. TIDAK TERHAD.

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh:



HAIMIN BIN DUSILIN
Peti surat 405,
89308 Ranau,
Sabah.

Tarikh: 11 Julai 2006



Tanda Tangan Pustakawan



DEKAN
Tarikh :.....



Penghargaan

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada PM. Dr.zulkifli Mohamed, Dekan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah dan semua Pensyarah serta stafnya di atas segala kerjasama, nasihat dan tunjuk ajar yang telah diberikan sepanjang kajian ini dilaksanakan.

Penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr.Hjh. Na'imah Yusoff, selaku penyelia kajian dan Dr. Sabariah Shariff selaku Penyelaras Program Sarjana Pengurusan Pendidikan Universiti Malaysia Sabah di atas bantuan dan tunjuk ajar, bimbingan serta nasihat yang telah diberikan kepada saya dari awal hingga kajian ini dapat disempurnakan.

Tidak dilupakan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Guru Besar di sekolah Kajian serta stafnya atas kerjasama mereka memberikan data-data yang diperlukan bagi menjayakan kajian ini.

Akhir sekali rakaman penghargaan dan terima kasih kepada Penolong Pengarah dan Kakitangan Sektor Pengurusan Akademik Jabatan Pelajaran Sabah atas kerjasama yang telah diberikan. Tanpa bantuan mereka yang terlibat sudah tentu kajian ini tidak dapat disempurnakan.



ABSTRACT

THE ACHIEVEMENT OF ORAL SKILLS AMONG YEAR ONE STUDENTS/PUPILS AFTER THE TRANSITION PROGRAMME.

This study is aimed at evaluating the level of students achievement in oral skills is by comparing the test result before and after the transitional programme. The sample consists of 40 Year One students from Sekolah kebangsaan Pekan Ranau, Sabah. The data obtained through test and analysed descriptively through Frequency and Percentage. The test type was used as the research instrument in the form of Test 1 and Test 2, into question based on oral skills module. The result of the study show that the level of students achievement in oral skill is still low with the mean of 0.1 before they followed the programme and only 1.1 after that. Even though the achievement level is quite low, it could still improve in time. It is hoped that in the future, more studies could be done concerning the level of students achievement in oral skills.



ABSTRAK

PENCAPAIAN LISAN MURID TAHUN SATU MELALUI PROGRAM TRANSISI.

Kajian ini adalah bertujuan untuk menilai tahap pencapaian lisan murid tahun satu dengan membandingkan pencapaian lisan sebelum dan selepas mengikuti program Transisi. Data kajian adalah data primer yang diperolehi melalui ujian lisan dan dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan frekuensi dan peratus untuk mengukur tahap kemahiran lisan murid. Sampel kajian daripada satu kumpulan murid seramai 40 orang yang sedang bersekolah di Sekolah Kebangsaan Pekan Ranau, Sabah. Instrumen kajian adalah berbentuk ujian iaitu ujian 1 dan ujian 2 menggunakan soalan-soalan daripada modul kemahiran lisan. Hasil dapatan kajian ini, didapati tahap pencapaian murid dalam aspek kemahiran lisan adalah masih di tahap lemah iaitu min ujian sebelum menjalani program transisi ialah 0.1 dan min ujian selepas menjalani program transisi adalah 1.1. Walaupun pencapaian masih berada dalam tahap yang lemah tetapi masih boleh dipertingkatkan secara beransur-ansur. Adalah diharapkan kajian lanjutan dapat dijalankan berkaitan dengan pencapaian kemahiran lisan dalam kalangan murid pada masa akan datang.



Senarai Jadual/Carta

Jadual

Halaman

1.	Rajah 3.1	- Model Ujian Weirsma	42
2.	Jadual 3.2	- Taburan Sampel Mengikut Jantina	43
3.	Jadual 3.3	- Kedudukan Guru dan Murid semasa ujian	43
4.	Jadual 4.1	- Tahap Pencapaian Kemahiran Intonasi dan Nada	53
5.	Jadual 4.2	- Tahap Pencapaian Kemahiran Sebutan	54
6.	Jadual 4.3	- Tahap Pencapaian Kemahiran Pengucapan Bertatasusila	55
7.	Jadual 4.4	- Tahap Pencapaian Kemahiran Bercerita	56
8.	Jadual 4.5	- Tahap Pencapaian Kemahiran intonasi dan nada	57
9.	Jadual 4.6	- Tahap Pencapaian Kemahiran sebutan	58
10.	Jadual 4.7	- Tahap Pencapaian kemahiran Pengucapan Bertatasusila	59
11.	Jadual 4.8	- Tahap Pencapaian Bercerita	60
12.	carta 4.1	- Kemahiran Intonasi dan nada	53
13.	Carta 4.2	-Tahap sebutan	54
14.	Carta 4.3	-Tahap Pengucapan Bertatasusila	55
15.	Carta 4.4	-Tahap kemahiran Bercerita	56
16.	Carta 4.5	-Tahap Intonasi dan Nada	57
17.	Carta 4.6	-Tahap sebutan	58.
18.	Carta 4.7	-Tahap Pengucapan Bertatasusila	59
19.	Carta 4.8	-Tahap Pencapaian Kemahiran Bercerita	60
20.	Carta 4.9	- Kemahiran Intonasi dan nada	61
21.	Carta 4.10	- Kemahiran sebutan	63
22.	Carta 4.11	- Kemahiran Pengucapan Bertatasusila	64
23.	Carta 4.12	- Kemahiran Bercerita	65



Kandungan

<u>Perkara</u>	<u>Muka Surat</u>
Pengakuan	i
Penghargaan	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Kandungan	v
Senarai Jadual	vi
BAB 1 PENGENALAN	1
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang kajian	3
1.2 Pernyataan Masalah	6
1.3 Soalan Kajian	14
1.4 Tujuan Kajian	14
1.5 Objektif Kajian	14
1.6 Definisi Operasional	15
1.7 Kepentingan Kajian	17
1.8 Batasan Kajian	18
1.9 Kesimpulan	19
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	20
2.0 Pengenalan	20
2.1 Konsep Program Transisi Di Tahun Satu	20
2.2 Kemahiran Lisan	23
2.3 Konstruk Dalam Lisan	28
2.3.1 Sebutan,Intonasi dan Nada	28
2.3.2 Fasih dan Bermakna	29
2.3.3 Pengucapan Bertatasusila	30
2.4 Aktiviti bercerita	30
2.5 Hubungan Program Transisi dan Pengajaran Bahasa Melalui Perspektif Psikologi	31
2.6 Kenyataan Mengenai Komunikasi Lisan	33
2.7 Teori-Teori Kajian Pembelajaran	34
2.7.1 Teori Sosiokonstruktivisme	35
2.7.2 Teori Behavior	36
2.8 Model Kajian	38
2.8.1 Model PKS	39
2.9 Kerangka Model Kajian	40



BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	41
3.0	Pengenalan	41
3.1	Reka bentuk Kajian	41
3.2	Persampelan Kajian	42
3.3	Instrumen Kajian	43
3.4	Prosedur Pentadbiran dan Ujian	44
3.5	Prosedur Pemarkahan	48
	3.5.1 Kriteria Pentaksiran/Pemarkahan Lisan	48
	3.5.2 Perkiraan Purata Gred Pencapaian sebelum program	50
3.6	Analisis Data	51
3.7	rumusan	51
 BAB 4	 DAPATAN KAJIAN	 52
4.0	Pengenalan	52
4.1	Tahap Pencapaian Kemahiran Lisan Sebelum Program Transisi	52
4.2	Tahap Pencapaian Kemahiran Lisan Selepas program Transisi	57
4.3	Perbezaan Pencapaian Kemahiran Lisan Murid Sebelum dan Selepas program Transisi	61
4.4	Rumusan	66
 BAB 5	 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN	 67
5.0	Pendahuluan	67
5.1	Perbincangan dapatan Kajian	67
5.2	Cadangan-Cadangan	74
5.3	Cadangan Kajian Lanjut	77
5.4	Rumusan	77
	Rujukan	79
	Lampiran (A, B, C, D, E, F, G, H, I, J, K,L)	84-110



BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Dalam konteks pendidikan di negara Malaysia, Bahasa Melayu dipertuturkan dengan luasnya oleh penduduk Melayu dan juga oleh kaum-kaum lain. Dengan kata lain, bahasa Melayu itu dipertuturkan secara meluas oleh semua lapisan masyarakat tidak mengira suku kaum dan kepercayaan. Bahasa Melayu merupakan bahasa Kebangsaan Malaysia seperti dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia, FASAL (1) Perkara 52 menyatakan bahawa:

"Bahasa Kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang Parlimen.."

(Perlembagaan persekutuan Malaysia, FASAL(1) Perkara 52:91)

Mengikut pandangan Lyon, semua komuniti yang wujud mempunyai satu atau lebih bahasa yang dipertuturkan:

"Semua kelompok manusia yang wujud pada masa sekarang ataupun yang diketahui pernah wujud pada masa lalu memiliki satu bahasa yang boleh memenuhi keperluan komunikasi mereka, Ini kerana setiap insan memerlukan sekurang-kurangnya satu bahasa untuk membolehkannya berkomunikasi secara lisan dengan individu lain "

(Lyon, 1997:85).

Apabila merujuk kepada keperluan manusia tidak dapat dinafikan bahawa bahasa merupakan alat atau senjata komunikasi yang amat penting dalam proses kehidupan seharian dan sepanjang hayatnya. Ini selaras dengan apa yang dikatakan oleh Rahim (1994), bahawa bahasa adalah alat komunikasi untuk



manusia berhubung , melahirkan perasaan, fikiran, kehendak dan sebagainya. Lebih-lebih lagi dalam era globalisasi ini, bahasa dianggap sebagai wahana penyampai maklumat dan alat penyebaran ilmu pengetahuan.

"Perkembangan bahasa Melayu bukan setakat sebagai bahasa untuk berkomunikasi tetapi berperanan sebagai bahasa ilmu pengetahuan yang berkemampuan mengungkapkan konsep dan pemikiran yang maju serta bersifat abstrak, intelek dan formal"

(Normah Abdullah dan Mat Nor Hussin, 1995: 294).

Manusia tidak mampu mengenyahkan kewujudan dan kepentingan bahasa walaupun telah berjaya mencipta pelbagai alat canggih. Menurut Kamaruddin (1992), bahasa itu merupakan satu sistem kognitif yang unik yang dapat dimanipulasikan oleh manusia untuk menghasilkan sejumlah kalimat-kalimat yang tidak terbatas berdasarkan unsur-unsur yang terbatas untuk dipakai oleh manusia itu sebagai alat berkomunikasi dan mengkumulasi ilmu pengetahuan.

Bahasa Melayu adalah bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan serta dijadikan bahasa pengantar kepada semua institusi pendidikan di negara ini. Namun begitu penggunaan Bahasa Melayu standard dalam kalangan bukan penutur jatinya tidak terkecuali daripada pengaruh dialek-dialek tempatan.

Keadaan ini boleh menjadi batu penghalang pembentukan taraf Bahasa Melayu sebagai bahasa yang utama di Negara kita. Kita sedia maklum bahawa penduduk Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum sudah tentu menyukarkan penggunaan bahasa Melayu standard dengan lebih baik. Namun

manusia berhubung , melahirkan perasaan, fikiran, kehendak dan sebagainya. Lebih-lebih lagi dalam era globalisasi ini, bahasa dianggap sebagai wahana penyampai maklumat dan alat penyebaran ilmu pengetahuan.

"Perkembangan bahasa Melayu bukan setakat sebagai bahasa untuk berkomunikasi tetapi berperanan sebagai bahasa ilmu pengetahuan yang berkemampuan mengungkapkan konsep dan pemikiran yang maju serta bersifat abstrak, intelek dan formal"

(Normah Abdullah dan Mat Nor Hussin, 1995: 294).

Manusia tidak mampu mengenyampingkan kewujudan dan kepentingan bahasa walaupun telah berjaya mencipta pelbagai alat canggih. Menurut Kamaruddin (1992), bahasa itu merupakan satu sistem kognitif yang unik yang dapat dimanipulasikan oleh manusia untuk menghasilkan sejumlah kalimat-kalimat yang tidak terbatas berdasarkan unsur-unsur yang terbatas untuk dipakai oleh manusia itu sebagai alat berkomunikasi dan mengkumulasi ilmu pengetahuan.

Bahasa Melayu adalah bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan serta dijadikan bahasa pengantar kepada semua institusi pendidikan di negara ini. Namun begitu penggunaan Bahasa Melayu standard dalam kalangan bukan penutur jatinya tidak terkecuali daripada pengaruh dialek-dialek tempatan.

Keadaan ini boleh menjadi batu penghalang pembentukan taraf Bahasa Melayu sebagai bahasa yang utama di Negara kita. Kita sedia maklum bahawa penduduk Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum sudah tentu menyukarkan penggunaan bahasa Melayu standard dengan lebih baik. Namun

begitu, pihak kerajaan telah mengiktiraf Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi pertuturan di kalangan masyarakatnya.

Para ilmuan di kalangan pendidik memang sedar bahawa antara bidang-bidang kemahiran bahasa termasuklah lisan (bertutur) mendengar, membaca dan menulis, bidang lisan adalah kemahiran yang paling penting dan agak sukar dikuasai. Hal ini dikatakan demikian kerana sebelum kanak-kanak mula diajar melafazkan pemikirannya dalam bentuk lisan, mereka perlu terlebih dahulu diberi asas yang kukuh dalam struktur-struktur linguistik bahasa yang hendak digunakan. Misalnya sebelum kanak-kanak boleh mula belajar menulis sesuatu dalam bahasa Melayu, mereka perlu terlebih dahulu mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas mengenai sistem bunyi (fonologi), perbendaharaan kata, tatabahasa dan sistem makna (semantik) bahasa tersebut.

Boleh dikatakan bahawa kemahiran bertutur adalah sebagai satu kemahiran yang paling tinggi tatatingkat kedudukannya dan paling sukar diajar. Kita boleh katakan demikian kerana hampir semua orang normal boleh bertutur dan ramai pula yang boleh membaca, tetapi hanya sebilangan kecil sahaja yang benar-benar boleh bertutur dengan baik.

1.1 Latar Belakang Kajian

Berdasarkan dapatan kajian pemeriksaan standard Kualiti subjek Bahasa Melayu perspektif Nazir tahun 2004, mendapati kualiti penguasaan kanak-kanak di tahap satu dalam bidang Bahasa Melayu secara keseluruhan berada pada skor min=4.78 atau 84 peratus di Sekolah Rendah. Skor yang diberikan menunjukkan prestasi mata pelajaran masih berada di tahap yang kurang memuaskan. Keadaan ini menggambarkan pertalian kolerasi hubungan sebab dan akibat di antara kualiti pengajaran-pemelajaran dengan aspek keupayaan penerimaan

bertutur dengan baik. Oleh itu, guru perlulah bijak merancang pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan pertuturan murid.

Bertutur dengan baik dan berkesan adalah satu aktiviti penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu (Abdullah Hassan, 1990). Pengajaran dan pembelajaran lisan mustahak untuk semua peringkat kerana peringkat ini merupakan yang tertinggi dalam kemahiran berbahasa. Hal ini selaras dengan prinsip pengajaran bahasa, bahawa penguasaan kemahiran berbahasa adalah mengikut susunan tertentu iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Arbak (1991), yang menyatakan bahawa kemahiran bertutur berbeza dengan kemahiran menulis dari segi teknik penyampaian yang digunakan. Hal ini adalah kerana bahasa lisan lebih bersifat bersahaja, pada hal bahasa tulisan adalah bersifat bersih dan terancang.

Manakala Mohamad Saidin (1994), menyatakan bahawa mempelajari bahasa bermaksud mempelajari kemahiran yang mempunyai hubungan dengan bahasa iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur dan kemahiran menulis. Ketiga-tiga kemahiran ini perlu dipelajari oleh seseorang supaya dapat menggunakan bahasa dengan baik. Kemahiran bertutur merupakan kemahiran penting yang dapat membantu mengukuhkan pola bahasa. Oleh sebab itu, dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, kemahiran bertutur sangat diberi penekanan.

Oleh itu, kemahiran bertutur merupakan kemahiran yang agak sukar dikuasai oleh para murid berbanding dengan kemahiran berbahasa yang lain. Kemahiran ini perlu dikuasai bagi memudahkan mereka melahirkan perasaan, idea, fakta, emosi dan sebagainya dalam pertuturan mereka. Untuk mencapai ke tahap penguasaan sebenar, mereka perlu didedahkan dengan pelbagai kegiatan

murid itu sendiri. Aspek pengajaran Bahasa Melayu masih merupakan elemen-elemen lama yang masih kurang dijelmakan dalam proses pembelajaran di dalam bilik darjah (Hassan, 2001).

Abdul Aziz (2003), yang menyatakan bahawa, Kemahiran bertutur dianggap sebagai kemahiran paling penting yang perlu diajar dengan sebaik-baiknya, kerana pertuturan merupakan satu aspek penting dalam pernyataan bahasa yang melibatkan fikiran, pengetahuan, teknik dan gaya. Oleh sebab itu, lisan yang teratur dan berkesan dianggap sebagai salah satu asas kemahiran bagi orang-orang terpelajar. Dengan itu lisan merupakan teknik pengujian atau pentaksiran yang boleh digunakan untuk menguji kemahiran pertuturan dan pengetahuan murid-murid sama ada di peringkat sekolah rendah atau sekolah menengah.

Secara amnya, pengajaran bertutur dengan baik peringkat sekolah rendah jika dilihat pada asas objektifnya secara menyeluruh ia adalah untuk menunaikan kehendak Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (sekolah rendah); objektifnya agak kompleks iaitu secara amnya adalah bertujuan untuk meningkatkan tahap penguasaan murid dalam kemahiran bertutur. Oleh yang demikian, kemahiran lisan perlu dipelajari di sekolah dan mereka perlu diberi latihan secara intensif kerana sebahagian besar pendidikan formal melibatkan kerja-kerja formal.

Menurut Juriah (1994), menyatakan bahawa dalam sesebuah bilik darjah, tingkat kebolehan murid-murid adalah berbeza-beza. Kebolehan dalam pertuturan bukan sahaja berbeza-beza, tetapi juga dari segi pengalaman yang menjadi bahan penuturan mereka. Ini bermakna guru perlu menyediakan pelbagai pengalaman dan rangsangan yang dapat membantu para pelajar

yang intensif seberapa kerap yang mungkin. Di sinilah letaknya peranan guru dalam merangsang dan menjana keupayaan murid dengan menggunakan teknik pengajaran yang berkesan agar objektif sukatan pelajaran bahasa Melayu akan dapat dicapai.

1.2 Pernyataan Masalah

Pada tahun 2003 dan 2004, Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia pernah melaporkan unjuran kelemahan para murid pada peringkat (Ujian Penilaian Sekolah rendah (UPSR) ; kualiti keputusan subjek Bahasa Melayu hanya berada pada tahap yang sederhana sahaja. Malahan kajian berkenaan mendapati masih ramai murid memperolehi pencapaian di tahap yang lemah.

Pencapaian murid dalam peperiksaan sudah pasti mempunyai kaitan yang amat rapat dengan kebolehan berbahasa atau kemahiran lisan disamping penampilan atau peranan guru. Di sekolah-sekolah, tidak semua guru Bahasa Melayu mempunyai pengetahuan yang cukup tentang teknik pengajaran dan pembelajaran subjek tersebut. Terdapat dalam kalangan guru yang tidak mendapat latihan mengajar Bahasa Melayu tetapi dipertanggungjawabkan untuk mengajar mata pelajaran tersebut disebabkan masalah kekurangan guru.

Kajian awal oleh Awang (1991), menunjukkan sebilangan besar pelajar Melayu di tahap satu dua sekolah kebangsaan, sebuah di bandar dan sebuah lagi di desa, sering melakukan kesilapan penggunaan bahasa Melayu melalui pertuturan mereka. Daripada penyelidikan yang dilakukan, didapati semua pelajar itu telah melakukan kesilapan penggunaan bahasa Melayu sama ada dalam sebutan, intonasi dan nada.

penyelidikan yang telah dibuat oleh Hamzah (2003), terhadap murid-murid di tiga buah sekolah rendah di Terengganu menunjukkan adanya

kesalahan bahasa atau kesalahan yang sama dilakukan dalam penuturan para murid peringkat tahap satu sekolah rendah. Di antara faktor yang menyumbang kepada masalah di atas ialah murid kurang terdedah secara amali untuk bertutur dalam bahasa baku atau standard. Ini mungkin boleh dikaitkan dengan masalah guru yang masih banyak menggunakan dialek-dialek kedaerahan ketika mengajar atau bergaul dengan murid.

Daripada sampel yang sama, Hamzah (2003), telah melakukan analisis kesilapan bahasa di peringkat sebutan dan kefasihan. Beliau membuat kesimpulan bahawa data-data yang diperolehi dapat memberikan gambaran tentang sukarnya para murid Melayu apabila berhadapan dengan penggunaan bahasanya sendiri secara formal.

Azman (1993) pula dalam kajiannya yang berjudul "Kesilapan Penggunaan Bahasa Melayu Satu Kajian", telah berusaha untuk melihat jenis-jenis kesilapan bahasa yang dibuat oleh penutur-penutur jati bahasa Melayu dan juga penutur dwibahasa serta membandingkan jenis-jenis kesilapan yang dibuat oleh kedua-dua kumpulan itu. Jenis-jenis kesilapan ditentukan berdasarkan lisan dan karangan murid-murid. Beliau telah menggolongkan jenis-jenis kesilapan bahasa yang dilakukan kepada beberapa kategori iaitu sebutan, intonasi, nada serta kefasihan.

Hasil kajian menunjukkan murid-murid Melayu telah membuat sebanyak 609 kesilapan. Daripada jumlah itu, mereka telah membuat 370 kali kesilapan sebutan, iaitu 54.74% daripada jumlah semua kesilapan. Kesilapan sebutan dan ejaan merupakan kesilapan paling tinggi kekerapannya dalam karangan murid-murid.

Menurut laporan lembaga Peperiksaan Malaysia (2003), kebanyakan pelajar tidak mengetahui teknik bertutur dengan betul kerana perkara ini jarang

diajar di sekolah. Mereka kurang diberi pendedahan tentang cara menghasilkan pertuturan yang benar-benar mantap, bukan sahaja dari segi penggunaan bahasa yang betul, tetapi juga dari segi gaya penuturan yang teratur dan menepati ciri-ciri yang sebenarnya.

Teoh (1997), telah menjalankan satu kajian yang menganalisis kesilapan pembelajaran Bahasa Melayu oleh sekumpulan pelajar tahap satu. Salah satu tujuan kajian tersebut adalah untuk meninjau kesilapan dalam bentuk lisan dan ejaan umum. Sampelnya terdiri daripada 27 orang murid tahun dua yang belajar dalam kelas yang sama dan terdiri daripada bangsa Melayu, Cina, India, kacukan Indonesia-Serani. Menurut kajian mereka, kebanyakan kesilapan ialah sebutan atau pengucapan kurang fasih dan tidak lancar.

Oleh kerana kemahiran lisan amat kompleks, para pelajar sering mengalami masalah dalam usaha memperlihatkan pertuturan yang benar-benar baku. Menurut Jonz (1993), pertuturan yang dihasilkan oleh para murid ada kalanya menjadi tidak bermakna dan seolah-olah hilang arah haluan terutamanya dalam usaha melahirkan sesuatu pendapat. Hal ini berlaku kerana mereka sering membelakangkan keutamaan kepada penghasilan pertuturan yang betul menurut rumus tatabahasa.

Dalam kajian yang dibuat oleh Abdul Aziz (1997), telah menganalisis kesilapan lisan menurut sistem baru bahasa Melayu oleh murid tahap satu. Sampel yang diuji terdiri daripada 200 orang pelajar dari 7 buah sekolah rendah di negeri Selangor. Kelas-kelas yang dipilih mengandungi pelajar-pelajar lelaki dan perempuan dan di antara mereka ada yang berbahasa ibunda Melayu dan bukan bahasa Melayu. Beliau menyimpulkan bahawa prestasi lisan terutamanya, masih rendah walaupun mereka sudah pun berada di tahun tiga persekolahan sekolah rendah.



Semasa mengulas prestasi para murid Melayu dalam peperiksaan UPSR, Farid (1995), menyatakan bahawa kelemahan pelajar-pelajar Melayu dalam peperiksaan tersebut memang telah disedari oleh semua-pihak. Ini jelas melalui keputusan-keputusan peperiksaan sejak beberapa tahun kebelakangan. Apabila isu ini dibangkitkan pelbagai alasan akan diberikan sebagai justifikasi kepada kelemahan tersebut.

Memandangkan mata pelajaran Bahasa Melayu amat penting dalam mencorakkan masa hadapan pelajar, maka prestasi murid yang kurang membanggakan dalam Bahasa Melayu sejak akhir-akhir ini sering diperkatakan oleh pelbagai pihak. Pencapaian 89.0% Bahasa Melayu dalam peperiksaan UPSR tahun 2003, memperlihatkan kemerosotan 1.1% berbanding 90.1% pada tahun 2002. Kemerosotan mutu pencapaian pelajar dalam Bahasa Melayu telah menarik perhatian banyak pihak, sehinggakan Kementerian Pelajaran berjanji akan menjalankan penyiasatan untuk mengenal pasti punca utama kemerosotan tersebut (Utusan Malaysia, 12 Januari 2004).

Mengikut Nawi (1995), terdapat pelajar-pelajar yang menganggap Bahasa Melayu mudah dan tidak diberikan penekanan seperti mata-mata pelajaran yang lain. Sesetengahnya pula beranggapan Bahasa Melayu bukan perkara baru kerana bahasa ini merupakan bahasa pertuturan harian mereka. Golongan ini kurang memberikan perhatian terhadap pengajaran guru.

Kenyataan di atas mempunyai kaitan dengan kenyataan yang dibuat oleh Goh (1995), menurutnya kegagalan yang dihadapi sekarang adalah berpunca daripada sesetengah cerdik pandai kita yang tidak menjurus bidang pengajaran bahasa. Tambahnya lagi, gambaran tentang kedudukan pengajaran lisan di sekolah-sekolah sekarang kebanyakannya merupakan pemerhatian semata-mata, tanpa kajian yang mantap dan yang dapat dipertanggungjawabkan.

Kajian yang dibuat oleh Narayanan (2001), mendapati masalah penguasaan Bahasa Melayu sangat ketara di sekolah-sekolah aliran Cina dan Tamil yang mencatatkan seramai 15,104 orang murid SRJK. (T) dari seluruh negara yang telah menduduki UPSR. Daripada jumlah tersebut, hanya 3,412 orang murid (17.1%) sahaja yang lulus dalam kertas ujian penulisan karangan bahasa Melayu. Bakinya iaitu 11 692 orang murid (82.9%) gagal. Kadar kegagalan ini merupakan yang paling tinggi kalau dibandingkan dengan kadar kegagalan murid sekolah-sekolah jenis lain seperti yang tertera dalam jadual 1.2.

Jadual 1.2 : Analisis Keputusan Peperiksaan UPSR
Bahasa Melayu tahun 2001 . (Lembaga Peperiksaan Malaysia,2001)

Jenis Sekolah	Peratus Kelulusan	Peratus Kegagalan
Sekolah Kebangsaan (SK)	70.5	25.5
Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK)	80.7	19.3
SRJK (C)	32.3	67.5
SRJK (T)	17.1	82.9

Kelulusan yang sangat rendah ini tidak hanya untuk tahun 2001 sahaja. Sebenarnya sejak tahun 1987 lagi, kadar kelulusan belum pernah melebihi 23%. Hal ini dapat diperhatikan dalam jadual 2.

Menurut laporan prestasi UPSR Bahasa Melayu yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (2004), yang dipetik menyatakan bahawa, penguasaan berbahasa juga merupakan satu lagi kelemahan pelajar. Tanpa

pengetahuan bahasa para murid dalam aspek tatabahasa, tataberbahasa, pemahaman dan penulisan.

Dalam penyelidikan tersebut, para pelajar berjaya menguasai pengetahuan tatabahasa dengan baik, tetapi kurang berjaya dalam penguasaan aspek lisan atau kecekapan berbahasa. Ringkasan yang dikemukakan dalam jadual di bawah membayangkan hakikat ini.

Jadual 1.3: Perbandingan keupayaan Tatabahasa dan Lisan (Zulkifley,1999)

Bangsa	Tatabahasa	Lisan	Perbezaan
Melayu	77.8928%	60.4447%	15.5381%
Cina	77.8524%	50.4133%	25.4391%

Keputusan di atas membayangkan bahawa ramai murid kurang terlatih untuk menggunakan bahasa secara tepat dan wajar. Keputusan ini bertepatan dengan pandangan yang telah dikemukakan oleh Goh (1995), seorang sarjana bukan Melayu semasa menghuraikan program pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu peringkat sekolah rendah. Menurut beliau, kebudayaan berbahasa diabaikan dan masalah ini jelas pada penggunaan ganti nama diri.

Keputusan penyelidikan yang telah dijalankan juga memperlihatkan bahawa wujud ketidakseimbangan yang jelas antara penguasaan kemahiran lisan dengan kemahiran menulis.

penguasaan bahasa yang baik, sudah tentu boleh menjejaskan keseluruhan persembahan dalam aspek Bahasa Melayu.

Mengulas petikan laporan daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) di atas, Aziz (2004), menyatakan bahawa ini jelas menunjukkan bahawa terdapat pelbagai kelemahan anak murid kita dalam Bahasa Melayu. Fenomena ini bukannya baru tetapi berlaku tahun demi tahun, begitulah nada bunyi laporan yang dibuat oleh badan tersebut. Implikasinya ialah terdapat segolongan murid sekolah rendah yang walaupun sudah ke peringkat tahun enam, tetapi masih belum menguasai asas bahasa.

Kenyataan di atas juga mempunyai kaitan dengan kenyataan yang dibuat oleh Mohd. Azhar (2004). Menurut beliau, pengajaran dan pembelajaran secara tradisi menimbulkan suasana yang membosankan. Guru dan pelajar terjerumus dalam masalah kekangan masa dan penekanan kepada penulisan semata-mata akan mengabaikan keperluan lisan itu sendiri. Pengajaran bahasa memerlukan guru yang inovatif dan yang mampu merangsang pemikiran murid disamping individu mengikut tertib pertuturan sebenar.

Ini bersamaan dengan kajian oleh Nawi (1994), yang menyatakan kegagalan pelajar untuk menyampaikan penuturan yang berkesan merupakan masalah yang sudah dianggap klise. Masalah ini sering diperkatakan oleh guru bahasa Melayu khususnya dan diakui sendiri oleh Kementerian Pelajaran.

Zulkifley (1999), telah menjalankan penyelidikan terhadap murid tahap satu di beberapa buah sekolah di daerah Kajang dan Bandar Baru Bangi. Dalam penyelidikan ini, beliau cuba mencari jawapan kepada beberapa perkara antara lain, adakah program pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu yang dilaksanakan sekarang utuh dan berimbang. Beliau telah mengukur tahap

Jadual 1.2.4 : Pencapaian murid Dalam Kemahiran Lisan Dan Menulis peringkat sekolah rendah (Goh, 1995)

Kumpulan	Lisan	Penulisan
Melayu	76.01%	46.69%
Cina	75.78%	42.82%

Jadual 1.2.4 memperlihatkan kepada kita bahawa masih ramai murid sekolah rendah, sama ada Melayu atau Cina mendapat skor di bawah 50% bagi bahagian penulisan. Jadual ini juga memperlihatkan bahawa kemahiran pemahaman jauh lebih dikuasai berbanding dengan kemahiran penulisan. Bagi kemahiran pemahaman, secara purata, tahap pencapaian para pelajar adalah melebihi 70%.

Bukti kajian yang mengaitkan kekeliruan pelajar bukan Melayu dengan pengajaran Bahasa Melayu menegaskan bahawa, bahasa Melayu merupakan bahasa yang mempunyai banyak perkataan yang mengelirukan (Abdul Rahim, 1996). Kegagalan menguasai bahasa ini akan mendatangkan kesilapan dalam memahami pertuturan, pembacaan, dan penulisan. Kebanyakan perkataan dalam bahasa Melayu dapat dikatakan sebagai bersifat mencapah, iaitu perkataan yang boleh memberikan banyak makna yang seerti, seperti perkataan potong yang boleh memberikan maksud hiris, kerat dan cincang. Pemilihan kata ini kadangkala menimbulkan kekeliruan kepada penutur yang bahasa Melayu bukanlah bahasa pertamanya.



1.3 Soalan Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk menjawab persoalan-persoalan iaitu:

- i. Adakah terdapat perbezaan dalam pencapaian kemahiran intonasi dan nada dalam ujian sebelum dan selepas program transisi.
- ii. Adakah terdapat perbezaan dalam pencapaian kemahiran sebutan, dalam ujian sebelum dan selepas program transisi
- iii. Adakah terdapat perbezaan dalam pencapaian kemahiran pengucapan bertatasusila dalam ujian sebelum dan selepas program
- iv. Adakah terdapat perbezaan dalam pencapaian kemahiran bercerita dalam ujian sebelum dan selepas program transisi.

1.4 Tujuan Kajian.

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap pencapaian kemahiran lisan murid tahun satu melalui program transisi di sekolah rendah. Untuk tujuan itu, murid-murid akan menjalani dua sesi ujian iaitu ujian sebelum dan selepas program transisi dijalankan.

1.5 Objektif Kajian

Objektif keseluruhan kajian ialah untuk:

- i. Membandingkan tahap pencapaian kemahiran intonasi dan nada dalam kalangan murid tahun satu sebelum dan selepas program transisi.
- ii. Membandingkan tahap pencapaian kemahiran sebutan dalam kalangan murid tahun satu sebelum dan selepas program transisi.

- iii. Membandingkan tahap pencapaian kemahiran pengucapan bertatasusila dalam kalangan murid tahun satu sebelum dan selepas mengikuti program transisi.
- iv. Membandingkan tahap pencapaian kemahiran bercerita dalam kalangan murid tahun satu sebelum dan selepas mengikuti program transisi.

1.6 Definasi Operasional

Dalam kajian ini, terdapat beberapa perkataan dan frasa yang mempunyai makna yang khusus. Konsep dan istilah-istilah tersebut akan dijelaskan seperti berikut.

1.6.1 Program Transisi

Mengikut Kamus Dewan (2001), Transisi merupakan satu proses perubahan yang berlaku dari satu keadaan kepada satu keadaan yang lain. Dalam konteks ini transisi bertujuan untuk membawa perubahan dari suasana prasekolah kepada suasana baru di tahun satu dalam pelbagai aspek terutama dari segi pembelajaran bahasa.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2001), memberi pengertian yang hampir serupa iaitu perubahan diri dalam diri kanak-kanak dari keadaan persekitaran pembelajaran yang lama kepada persekitaran pembelajaran yang baru.

1.6.2 Kemahiran Lisan

Mengikut Juriah (1994), lisan merupakan sesuatu penghasilan pengucapan bahasa atau pertuturan yang menggunakan mulut mengikut pola-pola tertentu yang telah ditetapkan sama ada dipelajari secara semulajadi dari generasi ke

RUJUKAN

- Abdul Aziz Abdul Talib. 2003. *Pedagogi Bahasa Melayu : Prinsip, Kaedah Dan Teknik*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Aziz Abdul Talib. 2003 . "Faktor Yang Mempengaruhi Kualiti berbahasa Pelajar : Satu Tinjauan Karya dan Penyelidikan". Dewan Bahasa. **3** (3):409 - 414
- Abdullah Hassan. 1990. *Pendekatan Mengajar Bahasa Melayu*, Jurnal Dewan Bahasa. **31** (6) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan dan Ainon Moh. 1994. *Bahasa Melayu Satu Pemurnian*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Abd. Rahman dan Yap Kim Fatt. 1995. *Bahasa Melayu*. Petaling Jaya: Longman.
- Abdul Rahim Sham. 1996. *Pengajaran Bahasa Di Sekolah Rendah*. Petaling Jaya : Fajar Bakti.
- Awang Sariyan. 1991. *Kesalahan Umum Penggunaan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Ghafar Mohd Din. 1990. "Kaedah Lisan Himpunan Fikiran : Peyelelesaian Masalah Murid Yang Tidak Aktif". Pelita Bahasa. **2**. (5): 18-19.
- Awang Mohammad Amin. 1991. "Beberapa Aspek Kelemahan Penguasaan Bahasa Malaysia Di kalangan Pelajar-pelajar Melayu Sekolah Rendah : Satu Tinjauan Awal Di Selangor dan Wilayah Persekutuan". Dewan Bahasa. **25**(7) : 17-19
- Arbak Othman. 1991. "Pengajaran Dalam Kemahiran lisai" Dewan Bahasa. Julai. hlm. 632 - 641.
- Azman Wan Chik 1993. *Kesilapan Penggunaan Bahasa Melayu Oleh Murid Murid Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa.

- Aziz Samat. 2004 "*Kelemahan Murid Berbahasa Satu Tinjauan*". Dewan Bahasa. **7**(8) :18-19.
- Brennan, W.K. 1998. *Shaping The Education Of Slow Learners*. London : Routledge and Kegan Paul.
- Brownell, E.K. 1990. *Techniques of teaching*. Oxford: Pergamon Press.
- Crow, C. 1998. *Oral Skill Research Theory and Application*. New York Pergamon.
- Farid Mohamaad, 1995. *Prstasi Murid Melayu Menurun Dalam UPSR*, Jurnal Dewan Bahasa. **30** (7): 20-23.
- Flanders, W.P. 1972. *Language and Social behavior*. London: Routledge and Kegan Paul.
- Goh Ong Sing. 1995. *Pengajaran Bahasa Melayu Dalam KBSR*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gorys, K. 1992. *Diksi dan Gaya Bahasa*. PT Gramedia Pustaka Utama: Jakarta.
- Halijah Ahmad. 1997. "*Kemahiran lisan Dalam Konteks Pembinaan Wacana Yang Utuh*". Dewan Bahasa. Ogos : hlm. 1032 - 1044
- Jonit Mohd. Johari dan rakan-rakan. 1996. "*Beberapa Dikotomi Pokok Dalam Pengajaran dan Pemelajaran Kemahiran Bahasa Melayu*". Dewan Bahasa **38** (1) : 53-60
- Jonz, G. 1993. "*Potensi Teori-Teori Dalam Pengajaran Bahasa Melayu*". Dewan Bahasa, hlm. 121-134.
- Juriah Long. 1994. *Kaedahan Mengajar Bahasa Melayu Di Sekolah Rendah*. Petaling Jaya : Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.



Kamarudin Hj. Husin. 1992. *KBSM dan Strategi Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Kamarudin Hj. Husin. 1995. *Pedgogi Bahasa*. Petaling Jaya : Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Kamarudin Hj. Husin & Siti Hajar Abdul Aziz. 1997. *Penguasaan Kemahiran Lisan dan Menulis*. Subang Jaya : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Kamus Dewan. 2001. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Krashen, L. 1994. *Research Method In Education*. London : Routledge.

Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2004. Laporan Prestasi Peperiksaan UPSR. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Lyon, S. 1997. *Research In Education*. London: Routledge.

Meadow, E. 1992. *Alternative Perspectives Of Reading and Oral Connections*. Dlm S. Irwin dan Doyle (ed) *Reading and Writing Connections*. Network DE : International Reading Assciations.

Mohamad Saidin Ahmad Ishak. 1994. "*Pengajaran Bahasa Melayu*". *Pelita Bahasa*. 9 (4) : 21-23

Mohamad Sidin Ahmad Ishak. 1992. *Ketrampilan Lisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Azhar. 2004. "*Menyuburkan Kemahiran Bahasa Di Kalangan Pelajar*". *Dewan Bahasa*. 5. (5): 13-16

Narayanan Kunchi Raman. 2003. "*Kesalahan Dalam Bahasa Melayu Murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil)*". *Dewan Bahasa*. Mei 2003. hlm. 457 – 465

Narayanan Kunchi Raman. 2001. "*Penulisan dan Lisan : Proses Penyemakart*". *Pelita Bahasa*. Jun.

Nawi Ismail. 1994. "*Teknik Bercerita Yang Berkesan*". Pelita Bahasa. 6 (8): 18-19

Nik Safiah Karim, 1991. *Pengajaran Bahasa Melayu*. Fajar Bakti: Petaling Jaya.

Normah Abdullah dan Mat Noor Hussin. 1995. *Perkembangan Bahasa dan Keintelektualan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti

Nathesa, S. 1995. *Technique In Teaching Oral Skill*. Oxford: Oxford University Press.

Paul , C.L., 2003. *Learning and Behavior*. Wadsworth: Thomson Inc.

Raminah Hj. Sabran. 1991. *Kecekapan Berkomunikasi Dalam Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya : Fajar Bakti.

Rashidi Azizan. 1995. "*Strategi Penyelesaian Masalah Dalam Mengajarkan Bahasa*". Pelita Bahasa. 6 (7)

Samat Buang. 1995. "*Teknik Sumbang Saran Dalam Pengajaran Bahasa Lisan*". Pelita Bahasa. 7(4): 23-25.

Sidek Mohd. Noah. 2002. *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Universiti Putera Malaysia.

Sulaiman Masri. 1993. "*Sikap Menentukan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar*". Pelita Bahasa. 1993. hlm. 20-21

Sharifah Maimunah. 2001. "*Satu Kajian Analisis Kesilapan Pemelajaran Sekumpulan Pelajar Tahun Satu*". Dewan Bahasa.

Summers, M. 1990. New Primary Teacher Trainees : *Where Are They Statring From?*. Journal Of Education for Teaching. 14(2): 183-190.

Tajul Ariffin Nordin. 1991. "*Kaedah Berkumpulan Dalam Pengajaran dan Pemelajaran Lisan*". Pelita Bahasa. hlm. 36 – 37.



- Teoh Kok Seong. 1997. "Kumpulan Perbincangan Kecil sebagai Perintis Dalam Penguasaan Kemahiran lisan". Dewan Bahasa. 33(6): 462- 467
- Umar Junus. 1990. *Lisan dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahas dan Pustaka.
- Utusan Malaysia. 2004. Penguasaan Bahasa Melayu Pelajar
- Wardhaugh, R. 1992. *Exploring Through Writing and Oral Skill*. New York: Martin Press.
- Warren, T. 2000. *Sociolinguistics: An Introduction To Language and Society*. England: Penguin Books.
- Wiersma, W. 1991. *Research Method In Education*. London: Koogan Page.
- Wright, T. 2004. *Making Sence of Teaching*. Buckingham: Open University Press.
- Zol Azlan Hamidin. 1999. *Strategi dan Teori Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Prentice Hall.
- Zol Azlan Hamidin. 2000. *Asas Pembinaan Bahasa Baku*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkifley Sulaiman. 1999. "Mengintegrasikan Pemproses Perkataan Dalam Pengajaran Penulisan dan Lisan". Dewan Bahasa. 1993. 108 – 115.

